

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA  
YB. ONG KHAN LEE**

12. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melebarkan Jalan Mount Esrkine untuk menangani kesesakan lalu lintas pada waktu puncak dan selainnya?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA  
MENTERI**

12. Pada masa ini Kerajaan Negeri perlu menjalankan kajian terhadap cadangan pelebaran keseluruhan Jalan Mount Esrkine untuk menangani kesesakan lalu lintas pada waktu puncak. Walau bagaimanapun, telah terdapat perancangan melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk melebarkan sebahagian Jalan Mount Esrkine dari persimpangan Jalan Burma / Jalan Mount Esrkine / Jalan Gottlieb / Jalan Bagan Jermal ke persimpangan Jalan Mount Esrkine / Lorong Esrkine melalui pembinaan jalan bawah (*underpass*) bagi menghubungkan Jalan Mount Esrkine ke Jalan Burma. Berdasarkan kajian untuk melebarkan Jalan Mount Esrkine pada tahun 2014, adalah didapati bahawa tanah perkuburan di tepi jalan perlu diambil alih sekiranya pelebaran jalan ingin diteruskan. Tender untuk pra kelayakan telah dipanggil pada bulan Jun 2018 dan projek ini dijangka akan bermula pada hujung tahun 2018. Projek ini disasarkan untuk disiapkan pada tahun 2022.

Di samping itu, MBPP juga akan melebarkan sebahagian Jalan Mount Esrkine pada bahagian persimpangan laluan ke Ladang Hong Seng dan Tingkat Esrkine 1 untuk pemasangan lampu isyarat dengan tujuan menambah baik aliran lalu lintas dan meningkatkan keselamatan. Kerja-kerja telah bermula pada Jun 2018 dan dijangka siap pada bulan Disember 2018.